4. Semburkan sedikit air untuk menyapu tangan

5. Ratakan air ke tangan hingga ke siku (mulai dengan tangan kanan dan diakhiri dengan tangan kiri)

6. Semburkan sedikit air untuk menyapu sebahagian kepala

7. Menyapu sebahagian dari kepala

8. Semburkan sedikit air ke bahagian kaki (mulai dengan kaki kanan dan diakhiri dengan kaki kiri).

9. Sunat membaca doa selepas berwudhu':

أَشْهَدُ أَن لاَّ إِلَـهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللَّهُمَّ اجْعَلْنِيْ مِنَ التَّوَّابِيْنَ وَاجْعَلْنِيْ مِنَ الْمُتَطَهِّرِيْنَ وَاجْعَلْنِيْ مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِيْنَ

Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah Yang Esa tiada yang menyekutuiNya. Dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu hambaNya dan Pesuruhnya. Ya Allah jadikanlah aku daripada orang-orang yang bertaubat dan jadikanlah aku daripada orang-orang yang bertaubat dan jadikanlah aku daripada orang-orang yang menjaga kebersihan dan jadikanlah aku daripada hambaMu yang soleh.

TERBITAN 2009

PANDUAN WUDHU' KETIKA SAKIT

WUDHU' MENGGUNAKAN WATER SPRAY (PENYEMBUR AIR)

SABDA RASULULLAH SAW :

Dari Abu Hurairah RA katanya : "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda : Sesungguhnya umatku akan datang pada hari kiamat dalam keadaan indah berseri serta bercahaya-cahaya mukanya dan anggotanya yang lain dari kesan wudhu'nya (yang sempurna)".

(Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

Disediakan oleh :
Unit Hal Ehwal Islam
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang
Tel : 03-3375 7000 samb. 1504/1507

SILA LETAKKAN RISALAH INI DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA

KEADAAN YANG MENGHARUSKAN BERWUDHU' MENGGUNAKAN WATER SPRAY (PENYEMBUR AIR)

- Pesakit yang mengalami masalah pergerakan disebabkan patah tulang (kaki/tulang belakang dan sebagainya).
- Pesakit yang terlantar di atas katil sepanjang masa.
- Pesakit yang berbalut (simen dan sebagainya) pada bahagian kaki.

Niat

نَوَيْتُ رَفْعَ الْحَدَثِ الأَصْغَرِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya : *Sahaja aku mengangkat (menghilangkan) hadas kecil kerana Allah Ta`ala .*

نَوَيْتُ الْوُضُوْءَ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya : *Sahaja aku berwudhu' kerana Allah Ta`ala.*

Fardhu Wudhu '

1. Niat mengangkat hadas kecil ketika mula membasuh muka
2. Membasuh kedua-dua belah tangan hingga ke siku
3. Menyapu sedikit air di kepala
4. Membasuh kedua-dua belah kaki hingga ke buku lali
5. Tertib

Anggota lain yang disunatkan berwudhu':

Membasuh kedua-dua tangan hingga pergelangan tangan, berkumur-kumur, membersihkan hidung (memasukkan sedikit air ke dalam hidung dan mengeluarkannya) dan membersihkan kedua-dua telinga.

Amali

1. Pastikan anggota wudhu' suci dari najis dan hadas

2. Semburkan sedikit air ke tapak tangan dengan disertai niat wudhu'

3. Ratakan air ke seluruh muka